



IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KONTRAK UNTUK PERKHIDMATAN (*CONTRACT FOR SERVICE, CFS*) DI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA), CYBERJAYA

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

JAWATAN	GED	BILANGAN KEKOSONGAN
Pegawai Teknologi Maklumat (<i>Contract for Service, CFS</i>)	Setara F12	1

1. Taraf Jawatan : Kontrak (Contract for Service)
2. Klasifikasi : Sistem Maklumat
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
4. Imbuhan Bulan : RM7,080.00 - RM8,430.00
5. Deskripsi tugas : Bertanggungjawab menjalankan analisis keperluan sistem bersama MQA, membangunkan dan menyediakan dokumen berkaitan pembangunan sistem tidak terhad kepada spesifikasi keperluan proses (business requirement specification), spesifikasi keperluan sistem (system requirement specification), dokumen reka bentuk pangkalan data (database design document) dan aliran proses sistem serta menyelaras pembangunan modul bersama pasukan pengaturcara. Juga bertanggungjawab untuk menyokong pelaksanaan *User Acceptance Test* (UAT) dan memastikan keperluan pengguna dipenuhi termasuk tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat Lantikan

Bidang/
Kelayakan
Khusus : Memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

(iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dan;

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Pengalaman : Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang.